

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS PERPADUAN NEGARA,
DI MESYUARAT PERTAMA MAJLIS PER-
PADUAN NEGARA, DI DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN PADA 1HB JULAI, 1971

Y.A.B. Tun Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri-menteri,
Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, dan Datuk-datuk, Saudara-
saudara sekalian.

Saya syukur dan berasa sukacita dapat mengistiharkan persi-
dangan pertama Majlis Perpaduan Negara pada pagi ini.

Seperti yang sama-sama dimaklum, tujuan saya membentuk
Majlis Perpaduan Negara ini ialah hendak menyambung usaha-
usaha baik yang telah kita capai menerusi kedua-dua Majlis Perun-
dingan Negara dan Majlis Muhibbah Negara dulu.

Saya sungguh berbangga hasil dari sumbangan kedua Majlis
ini, keadaan darurat berikutan dari Peristiwa 13 Mei dapat
ditamatkan dalam tempuh dua puluh satu bulan saja. Kejayaan
kita mengatasi keadaan genting pada waktu itu dalam tempuh
yang begitu singkat amat mengkagumkan terutama setengah-
setengah pihak yang meramalkan bahkan ingin melihat runtuhnya
fabric masyarakat kita akibat krisis itu.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-
saudara semua yang telah sudi menerima jemputan saya untuk
menjadi ahli-ahli Majlis Perpaduan Negara ini. Kesediaan saudara-
saudara semua menerima perlantikan ini merupakan satu dorongan
kepada saya sebagai Perdana Menteri untuk memberikan khidmat
bakti negara yang kita kasihi ini. Begitu juga bahawa pemimpin-
pemimpin politik dan bijak pandai kita memahami serta mengakui
mustahaknya perbincangan-perbincangan mengenai masalah dan
perkara-perkara yang berkaitan dengan perpaduan negara dijalan-
kan secara tertutup supaya kita dapat menyatakan rasa hati dengan
ikhlas dan berterus terang demi kepentingan negara.

Sebagaimana saya katakan tadi, Majlis Perpaduan Negara ini
adalah menyambung peranan yang dahulunya dijalankan oleh
Majlis Perundingan Negara dan Majlis Muhibbah Negara. Tugas-
tugas utama Majlis ini ialah (a) untuk membincangkan apa-apa

perkara berkenaan dengan perpaduan negara yang saya fikirkan patut dirujuk kepada Majlis ini, dan (b) membincangkan dengan amnya masalah-masalah perpaduan negara dan mengesyorkan langkah-langkah dan rancangan-rancangan bagi memupuk perpaduan negara. Dengan sebab itu, mengingat pada pengalaman-pengalaman yang telah kita dapati, saya fikirkan baik sebahagian besar daripada ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada bekas ahli Majlis-majlis yang dibubarkan itu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara yang telah memberikan jasa bakti kepada Mjlis Perundangan Negara dan Majlis Muhibbah Negara dahulu. Sumbangan-sumbangan dan sokongan-sokongan yang telah diberi kepada saya sebagai Pengarah Gerakan Negara oleh kedua-dua Majlis itu telah membolehkan kita ini menamatkan pemerintahan darurat dan kembali semula kepada Kerajaan Berparlimen. Ini adalah satu kejayaan yang tidak dapat dinafikan dan adalah suatu yang boleh dibanggakan oleh kita semua.

Saudara-saudara,

Hasil utama yang dicapai daripada persidangan-persidangan Majlis Perundangan Negara dahulu ialah penerimaan suatu konsep panduan bagi masyarakat Malaysia iaitu Rukunegara. Rukunegara ini yang telah diistiharkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pada 31hb Ogos, 1970, sekarang telah diterima dan mula diamalkan oleh rakyat semua. Kerajaan adalah berazam untuk memenuhi segala hasrat yang terjalin di dalam Rukunegara dengan berpandukan kepada prinsip-prinsipnya.

Berhubung dengan Majlis Muhibbah Negara pula, Majlis ini telah mengatur rancangan-rancangan untuk memulehkan semula keadaan harmoni dan merapatkan lagi perhubungan antara kaum-kaum di negara kita. Usaha ini mestilah dijalankan terus kerana perasaan muhibbah, persefahaman dan hormat menghormati antara satu sama lain adalah asas kehidupan dalam mana-mana masyarakat. Perasaan muhibbah dengan sendirinya merupakan satu unsur yang penting bagi perpaduan, lebih-lebih lagi bagi masyarakat yang terdiri dari berbilang kaum seperti di negara kita ini. Oleh kerana itu, saya harap saudara-saudara semua akan memikirkan serta membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Majlis Muhibbah di peringkat negeri, daerah dan seterusnya di kampung-kampung dengan tujuan meninggikan perasaan muhibbah di kalangan penduduk setiap lapisan.

Dengan hasil-hasil yang dicapai oleh Majlis Perundingan Negara dan Majlis Muhibbah Negara dahulu, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa badan yang menggantikannya, yakni Majlis Perpaduan Negara ini, akan meneruskan kejayaan-kejayaan yang cemerlang itu.

Saudara-saudara,

Seperti yang saya nyatakan tadi, tujuan saya membentuk Majlis ini ialah mengadakan forum perbincangan secara tertutup mengenai masalah-masalah negara yang barangkali berupa sensitif dan kerana itu tidak sepatutnya dibincangkan secara terbuka kepada umum. Akta Asutan tidaklah mungkin dengan sendirinya melemparkan perkara-perkara sensitif. Sesungguhnya, Kerajaan sedar peri mustahaknya mengetahui betul-betul akan rintihan dan sungutan-sungutan rakyat, mengkaji dan memeriksanya dengan objektif dan teliti, dan selanjutnya merancang serta mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Dengan hakikat inilah saya menjemput saudara-saudara, sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat dan bijak pandai meliputi berbagai lapangan pekerjaan, memberikan buah fikiran dan membincangkan masalah-masalah itu.

Saudara-saudara,

Kejayaan Majlis ini bergantung kepada keikhlasan hati dan kesediaan saudara-saudara menyatakan pendapat secara jujur dan berterus terang dengan memandang semata-mata untuk kepentingan dan faedah Negara keseluruhannya. Hanya dengan kita dapat mengadakan perbincangan dengan jujur dan memberi pandangan-pandangan yang objektif kita boleh memberikan makna penuh kepada Majlis Perpaduan Negara ini.

Berhubung dengan ini, saya ingin menarik perhatian saudara-saudara kepada dua perkara iaitu kebebasan bercakap dan kerahsiaan persidangan Majlis ini. Selama Majlis ini dalam persidangan, saudara-saudara sebagai ahli-ahli Majlis Perpaduan Negara boleh membincangkan atas perkara-perkara yang dibentangkan kepada Majlis termasuk perkara-perkara yang melibatkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang dilindungi oleh Akta Asutan. Patut saya tegaskan juga bahawa perlindungan yang diberi untuk membincangkan perkara-perkara sensitif terbatas hanya semasa saudara-saudara beserta dalam persidangan Majlis ini atau dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa yang ditubuhkan, jika perlu,

oleh Majlis Perpaduan Negara. Kebebasan itu dengan sendirinya gugur apabila berada di luar persidangan Majlis atau mesyuarat Jawatankuasa yang dimaksudkan.

Mengenai kerahsiaan perjalanan Majlis ini pula, saya minta saudara-saudara mengambil perhatian pada Peraturan 15 dalam Jadual Kedua, Peraturan-peraturan (Perlu) Majlis Perpaduan Negara. Segala surat yang dikelaskan, *classified correspondence*, segala pandangan yang dinyatakan oleh ahli-ahli dan segala perjalanan mesyuarat Majlis ini atau pun Jawatankuasa-jawatankuasanya adalah rahsia belaka. Saya yakin saudara-saudara akan dapat memberi kerjasama di atas perkara ini.

Saudara-saudara,

Masalah "perpaduan" di negara kita sesungguhnya merupakan masalah rumit yang barangkali tiada bandingan dengan negara-negara lain. Masalah ini timbul oleh kerana masyarakat kita terdiri daripada berbilang kaum yang bukan sahaja berlainan budaya dan cara hidupnya bahkan juga berbeza-beza dari segi taraf ekonomi dan keadaan tempat tinggal mereka. Masalah ini dirumitkan pula dengan keadaan pengangguran yang semakin meningkat di kalangan belia-belia kita. Dalam pada itu, kita masih menempuh proses mencari bentuk keperibadian atau identity Malaysia yang boleh diterima oleh semua keturunan dan golongan rakyat.

Memandang kepada bahaya dan rumitnya masalah inilah maka Kerajaan telah menjadikan "perpaduan negara" sebagai matlamatnya yang utama dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Segala usaha-usaha pembangunan ekonomi, misalnya, adalah dilaksanakan dengan mengambil pertimbangan-pertimbangan perpaduan negara. Dalam konteks negara kita Malaysia, matlamat pembangunan ekonomi dan matlamat perpaduan negara adalah dua matlamat yang tidak dapat dipisahkan kerana kejayaan kita mencapai matlamat pembangunan ekonomi adalah bergantung kepada kejayaan kita dalam usaha-usaha mencapai matlamat perpaduan. Begitu juga keadaannya dengan usaha-usaha mencapai matlamat perpaduan negara kerana ini tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak ada pembangunan ekonomi yang pesat dan menyeluruh di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Saudara-saudara,

Masalah perpaduan negara mestilah juga dihadapi dengan rancangan-rancangan jangka panjang, misalnya, menerusi pendidikan. Sistem pendidikan perlu ditimbang semula samada sempurna atau tidak untuk mencapai matlamat perpaduan.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, cara berfikir dan cara hidup anak cucu kita dalam jenerasi yang akan datang akan terbentuk mengikut pengalaman mereka serta didikan yang diberi di sekolah-sekolah. Sekiranya mutu serta isi—quality and content—pendidikan kita awasi dengan baik, saya yakin jenerasi yang akan datang akan lebih maju, lebih dinamis dan lebih berpadu lagi daripada yang sudah-sudah.

Saudara-saudara,

Dalam menjalankan usaha-usaha ke arah perpaduan negara, Kerajaan adalah sedar tentang peranan yang boleh dimainkan oleh rakyat. Usaha-usaha untuk merapatkan pertalian diantara kaum atau pun usaha-usaha untuk mewujudkan satu bangsa yang ber-satu padu tidak akan berhasil sekiranya sokongan dan penyertaan rakyat tidak diperolehi. Rakyat dari semua lapisan masyarakat hendaklah terlebih dahulu mempunyai keazaman serta keikhlasan untuk menceburkan diri mereka dalam segala usaha ke arah perpaduan negara.

Dalam lain-lain perkataan, perhubungan di antara kaum tidak dapat dieratkan semata-mata dengan tindakan Kerajaan sahaja. Perpaduan dan harmoni antara kaum tidak akan diperolehi dengan tindakan undang-undang, tetapi sebaliknya tumbuh dan berkembang dengan spontaneous dari hati sanubari rakyat. Kerajaan cuma dapat memberi bimbingan yang positif kepada rakyat tentang perkara serta cara-cara yang boleh membawa persefahaman dan perpaduan kaum. Kerajaan akan terus bertindak untuk memberi bimbingan ini dan merangka dasar-dasar yang berkaitan, tetapi adalah menjadi tanggungjawab dari semua lapisan masyarakat untuk menentukan samada dasar-dasar ini akan dapat memberi hasil yang dikehendaki itu.

Kerjasama rakyat terhadap usaha-usaha perpaduan adalah kerjasama yang wajib diberikan oleh semua oleh kerana untung nasib negara kita adalah bergantung kepada perpaduan yang erat di antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Saudara-saudara,

Berkaitan dengan peranan yang boleh dimainkan oleh rakyat, saya ingin menghubungkan perkara ini dengan masalah keselamatan negara. Malaysia pada masa sekarang ini dan tahun-tahun akan datang, seperti juga negara-negara lain di Asia Tenggara, menempuh satu zaman yang penuh dengan cabaran. Keamanan rantau Asia Tenggara adalah bergantung kepada ketenteraman dan keamanan yang terdapat di tiap-tiap negara rantau ini.

Kita di Malaysia masih menghadapi ancaman dari pihak pengganas komunis yang menjalankan kegiatan-kegiatan jahat bukan saja di kawasan-kawasan sempadan bahkan menyusup masuk ke kawasan-kawasan penempatan masa akhir-akhir ini. Mereka menjalankan kempen-kempen dakyah dan hasutan-hasutan jahat di kalangan penduduk-penduduk kita yang berbilang kaum, sambil mencari segala peluang untuk menghancurkan perpaduan kaum yang ada sekarang ini. Kerana dengan rosaknya pertalian dan perhubungan kaum, mereka dengan lebih mudah akan dapat menjalankan segala usaha jahat mereka dan mencapai matlamat merampas kekuasaan di negara ini.

Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab rakyat yang terdiri dari berbilang kaum dan dari semua lapisan masyarakat untuk memelihara semangat perpaduan dan juga untuk meninggikan lagi semangat cintakan negara—patriotism—kepada negara ini. Sekiranya tiap-tiap rakyat mempunyai kesetiaan yang tidak berbelah bagi ataupun sense of belonging terhadap negara ini, maka ini akan merupakan satu benteng yang teguh, yang akan dapat menahan dan mematahkan sebarang ancaman dari musuh-musuh negara kita.

Saudara-saudara,

Saya telah bayangkan sepintas lalu bahawa masalah perpaduan di negara kita ini adalah banyak dan kebanyakannya adalah berbau perkauman. Oleh itu, saya harap Majlis Perpaduan Negara akan dapat membincangkan perkara-perkara ini di dalam suasana tenteram dan dengan perasaan ikhlas dan berterus terang. Saya berseru supaya saudara-saudara menumpukan perhatian pada masalah-masalah perhubungan antara kaum dan perpaduan negara dan selanjutnya kemukakanlah rancangan-rancangan praktik yang boleh diambil oleh Kerajaan demi kepentingan negara.

Saya suka juga menerangkan bahawa Majlis ini adalah berupa sebuah Majlis Penasihat yang mempunyai tugas untuk menasihatkan saya sebagai Perdana Menteri dalam perkara-perkara berkaitan dengan perpaduan negara. Sebagai Majlis Penasihat, Majlis ini tidaklah sama tarafnya dengan badan tertinggi iaitu Parlimen, dan sekali-sekali tidak boleh menggantikannya.

Saudara-saudara,

Saya akhiri ucapan ini dengan harapan bahawa kita semua berazam menjalankan tugas-tugas kita dengan penuh minat dan keyakinan, moga-moga berjayalah kita mencari jalan menuju ke arah perpaduan negara. Dengan kerjasama saudara-saudara dan dengan hidayat Tuhan Insya Allah akan tercapailah cita-cita suci kita hendak membina satu bangsa yang maju, makmur dan ber-satu padu.

Terima kasih.